


| | | | |
|--------------------|---------------------------------------|-------------------|--------------------|
| Headline | Anak dara dapat tidur di bilik | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Pantai Timur) | | |
| Date | 23 Dec 2018 | Language | Malay |
| Circulation | 160,000 | Readership | 509,000 |
| Section | News | Page No | 38 |
| ArticleSize | 781 cm² | Journalist | RAIHAM MOHD |
| PR Value | RM 18,575 | | |



Anak dara dapat tidur di bilik

Empat anak perempuan tidak lagi tidur di ruang tamu rumah nenek selepas dapat rumah baru

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Mpian penjual kuih untuk memiliki rumah sendiri agar anak-anak perempuannya yang kian mewajah remaja tidak perlu lagi tidur di ruang tamu tercapai apabila menerima sebuah rumah sumbangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi Projek Baiti Jannati 2018.

Lebih menggembirakan, Noor Asiah Embong Wee, 41, yang juga ibu tunggal lima anak menerima rumah baru itu yang lengkap dengan perabot dan peralatan yang keseluruhannya dianggarkan bernilai RM50,000.

Noor Asiah berkata, sebelum ini dia bersama lima anaknya tidur di ruang tamu rumah ibunya namun apabila kesemua empat anak perempuannya makin membesar, dia mengidamkan untuk memiliki rumah sendiri.

"Terkejut saya dapat rumah selesa macam ni, tak sangka sangat dapat rezeki besar begini."

"Memang saya sangat perlukan rumah sebab anak ramai perempuan, empat orang tapi tak ada bilik tidur."

"Rumah mak yang kami tumpang ada bilik tidur tapi sempit sangat hingga kami terpaksa tidur di ruang tamu," katanya.

Noor Asiah berkata demikian selepas menerima kunci rumah baharunya itu pada Majlis Penyerahan



Che Alias yang diiring Mohd Nazri menyampaikan replika kunci kepada Noor Asiah.



Tandas disediakan sempurna dan selesa.

INFO

- TNB peruntuk RM5.7j laksana Program Baiti Jannati
- 111 rumah dibina di seluruh Semenanjung Malaysia tahun ini

Projek Baiti Jannati di Kampung Batu 4, Binjai, di sini.

Majlis penyerahan itu disempurnakan Ahli Parlimen Kemaman, Che Alias Hamid sambil diiringi Ketua (Perkhidmatan Pelanggan) Bahagian Retail TNB Terengganu, Mohd Nazri Puteh.

Rumah baharu yang mempunyai tiga bilik tidur, ruang tamu dan tandas yang lebih sempurna itu dibina di bersebelahan rumah ibunya itu yang ditumpang selepas bergelar ibu tunggal sejak lima tahun lalu.

kerja-jerja pembinaan rumah itu dilakukan pada pertengahan Oktober lalu dan memakan masa



Noor Asiah (kiri) berkongsikan rasa teruja menerima rumah baru dengan Mohd Nazri (kanan) dan Che Alias semasa masuki rumah itu pada Majlis Penyerahan Projek Baiti Jannati TNB 2018 di Kampung Batu 4, Binjai.

sebulan setengah untuk siap.

Noor Asiah menyara lima anaknya; Nur Emelya Natasya, 14; Nur Rabiah Shiqah, 9; Nur Arisyah Hillimah, 8; Muhammad Nur Iman, 6; Nur Aisyfa Mardiah, 5, hasil jualan kuih dengan purata pendapatan RM500 sebulan.

51 rumah dibina di Terengganu

Sementara itu, Mohd Nazri berkata, TNB memperuntukkan sebanyak RM5.7 juta untuk melaksanakan Program Baiti Jannati iaitu membiayai atau membina baharu sebanyak 111 rumah penerima yang

layak di seluruh Semenanjung Malaysia sepanjang tahun ini.

Menurutnya, untuk di Terengganu sahaja sebanyak 51 rumah terlibat sejak 2008 membabitkan kos melebihi RM1.95 juta.

"Pada tahun ini sahaja jumlah empat penerima yang layak telah dikenalpasti dan dibantu melalui program ini iaitu masing-masing seorang di Batu Enam, Kuala Nerus, seorang di Kemaman iaitu keluarga Noor Asiah ini dan dua lagi di bawah seliaan Stesen-stesen Janaelektrik Sultan Mahmud, Keningau.

"Untuk tahun depan di Terengganu, kita saraskan untuk bina 10 rumah tetapi ia akan diselaraskan dengan pembayaran zakat perniagaan di mana kriteria penerima akan dibincang dengan pejabat daerah dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam)," katanya.

Jelas beliau, Projek Baiti Jannati atau Rumahku Syurga merupakan salah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) TNB bagi menzahirkan saranan kerajaan supaya syarikat berkaitan kerajaan (GLC) membantu kerajaan untuk membantu kejadian golongan sasar yang memerlukan seperti orang kurang upaya, ibu tunggal, warga emas dan penduduk miskin.

Berikut itu, Mohd Nazri berharap GLC lain turut mencontoh inisiatif yang diambil TNB agar lebih ramai golongan kurang berkemampuan dapat dibantu.

Dalam pada itu, beliau berkata, TNB akan memberi rebat RM40 bagi bil elektrik kepada pengguna yang tersenarai dalam sistem e-Kash bermula Januari ini.

"Saya sarankan pengguna yang layak mendaftar dengan e-Kash kerana akan memperoleh rebat RM40 bermula Januari 2019," katanya.



TNB turut menyampaikan sumbangan barang keperluan dapur kepada Noor Asiah.



Che Alias menyempurnakan simbolik penyerahan projek.